

Ketetapan Umum No.2/2000

TEMPOH ASAS BAGI SUATU PUNCA PERNIAGAAN (SYARIKAT & KOPERASI)

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini menjelaskan pemakaian Seksyen 20 dan 21 **Akta Cukai Pendapatan, 1967**. Ia berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2000 bagi tempoh asas berakhir dalam tahun 2000 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

2.0 PEMAKAIAN KETETAPAN INI

Ketetapan ini menjelaskan:

- 2.1 tempoh asas bagi syarikat atau koperasi yang memulakan perniagaan baru;
- 2.2 tempoh asas bagi syarikat atau koperasi yang menukar tarikh perakaunan bagi perniagaannya yang sedia wujud;
- 2.3 tempoh asas bagi syarikat yang menyertai suatu perkongsian.

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNAPAKAI

- 3.1 Cukai pendapatan dikenakan bagi suatu tahun taksiran.
- 3.2 Tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran bagi suatu punca perniagaan adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.

Contoh:

Sebuah syarikat menyediakan akaun dari 01.01.2001 hingga 31.12.2001.

Tahun asas berakhir 31.12.2001 adalah tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 bagi punca perniagaan syarikat tersebut.

- 3.3 Jika akaun disediakan untuk tempoh 12 bulan berakhir pada suatu tarikh selain daripada 31 Disember dalam suatu tahun asas, tempoh perakaunan itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran dalam mana akaun itu ditutup.

C ontoh:

Sebuah syarikat menyediakan akaun dari 01.07.2000 hingga 30.06.2001.

Tempoh dari 01.07.2000 hingga 30.06.2001 adalah tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 bagi punca perniagaan syarikat tersebut.

3.4 Permulaan Perniagaan

- 3.4.1 Akaun berakhir pada 31 Disember

Jika sesuatu perniagaan dimulakan dan akaunnya disediakan dari tarikh perniagaan bermula hingga 31 Disember tahun yang sama, tempoh perakaunan itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran yang pertama.

Contoh:

Sebuah syarikat memulakan perniagaan pada 11.05.2001 dan akaunnya ditutup pada 31.12.2001.

Tempoh perakaunan 11.05.2001 hingga 31.12.2001 adalah tempoh asas bagi tahun taksiran 2001.

3.4.2 Akaun disediakan untuk tempoh 12 bulan

Jika sesuatu perniagaan dimulakan dan akaunnya disediakan untuk tempoh 12 bulan, tempoh perakaunan itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran dalam mana akaun tersebut ditutup.

Contoh:

Akaun pertama sebuah syarikat disediakan bagi tempoh 01.07.2000 hingga 30.6.2001.

Tempoh perakaunan 01.07.2000 hingga 30.06.2001 adalah tempoh asas bagi tahun taksiran 2001. Tidak ada tempoh asas bagi tahun taksiran 2000.

3.4.3 Akaun disediakan untuk tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan dan tidak berakhir pada 31 Disember

Jika sesuatu perniagaan dimulakan dan akaunnya disediakan untuk tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan dan akaun itu tidak berakhir pada 31 Disember, tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah tahun berakhir pada 31 Disember setiap tahun sehinggalah akaun disediakan untuk tempoh perakaunan 12 bulan.

Contoh 1:

Sebuah syarikat memulakan perniagaan pada 26.06.2000 dan akaunnya disediakan untuk tempoh hingga 30.04.2001 (10 bulan) dan seterusnya hingga 30.04.2002.

Bagi tahun taksiran 2000, tempoh asasnya adalah 26.06.2000 hingga 31.12.2000.

Bagi tahun taksiran 2001, tempoh asasnya adalah 01.01.2001 hingga 31.12.2001.

Bagi tahun taksiran 2002, tempoh asasnya adalah 01.05.2001 hingga 30.04.2002.

Contoh 2:

Sebuah syarikat memulakan perniagaan pada 26.06.2000 dan

akaunnya disediakan untuk tempoh hingga 30.09.2001 (15 bulan) dan seterusnya disediakan untuk tempoh hingga 30.09.2002.

Bagi tahun taksiran 2000, tempoh asasnya adalah 26.06.2000 hingga 31.12.2000.

Bagi tahun taksiran 2001, tempoh asasnya adalah 01.01.2001 hingga 31.12.2001.

Bagi tahun taksiran 2002, tempoh asasnya adalah 01.10.2001 hingga 30.09.2002.

3.4.4 Syarikat atau koperasi yang telah sedia menjalankan perniagaan memulakan satu lagi perniagaan baru

Jika satu atau lebih perniagaan telahpun dijalankan dan satu lagi perniagaan baru dimulakan, tempoh asas bagi perniagaan yang telah dijalankan itu adalah juga tempoh asas bagi perniagaan baru tersebut.

C ontoh:

Sebuah syarikat telah menjalankan perniagaan sejak beberapa tahun dan menyediakan akaunnya berakhir pada 30 September setiap tahun. Syarikat ini memulakan satu lagi perniagaan baru pada 01.06.2001.

Tempoh asas bagi perniagaan baru tersebut adalah 01.06.2001 hingga 30.9.2001 bagi tahun taksiran 2001.

3.4.5 Tarikh perakaunan yang sama seperti syarikat-syarikat berkaitan dalam satu kumpulan

Jika syarikat memulakan suatu perniagaan dan menyediakan akaun bagi tempoh yang berakhir pada tarikh yang sama seperti syarikat-syarikat berkaitan dalam satu kumpulan, tempoh asas yang pertama bagi perniagaan baru itu adalah dari tarikh perniagaan dimulakan hingga tarikh akaun ditutup.

Contoh:

Sebuah syarikat, yang juga ahli dalam satu kumpulan syarikat, memulakan suatu perniagaan pada 15.01.2001 dan menutup akaun pertamanya pada 30.09.2001 supaya bersamaan dengan penutupan tahun kewangan bagi kumpulan syarikat itu dan seterusnya hingga 30 September setiap tahun.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 adalah 15.01.2001 hingga 30.09.2001.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2002 adalah 01.10.2001 hingga 30.09.2002.

3.4.6 Kehendak undang-undang negara di mana syarikat diperbadankan

Jika syarikat memulakan suatu perniagaan dan negara di mana ia diperbadankan menghendaki akaunnya ditutup pada suatu tarikh tertentu, tempoh perakaunan bagi perniagaan itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran yang pertama.

Contoh:

S Ltd. memulakan perniagaan pada 21.10.2000 dan menyediakan akaun pertamanya bagi tempoh hingga 30.04.2001 seperti dikehendaki oleh undang-undang negara di mana ia diperbadankan.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 adalah 21.10.2000 hingga 30.04.2001.

Tidak ada tempoh asas bagi tahun taksiran 2000.

3.5 Pertukaran Tarikh Perakaunan

3.5.1 Akaun biasa berakhir pada 31 Disember

Jika akaun biasanya ditutup pada 31 Disember dan berlaku pertukaran tarikh perakaunan, tempoh asas dalam tahun berlakunya pertukaran adalah tahun berakhir 31 Disember.

Contoh:

B Sdn. Bhd. biasanya menyediakan akaun berakhir pada 31 Disember. Ia menukar tarikh perakaunannya kepada 30 September dan menyediakan akaun seperti berikut: 01.01.2001 hingga 30.09.2001, dan seterusnya hingga 30 September setiap tahun.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 adalah 01.01.2001 hingga 31.12.2001.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2002 adalah 01.10.2001 hingga 30.09.2002.

3.5.2 Akaun biasa tidak berakhir pada 31 Disember dan akaun baru kurang daripada 12 bulan:

A. Akaun baru berakhir dalam tahun berikutnya

Tempoh perakaunan baru itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran dalam tahun gagal.

Contoh:

Akaun sebuah syarikat biasanya disediakan untuk tempoh berakhir pada 30 September. Syarikat itu menukar tarikh perakaunannya dan akaun kini ditutup pada 31 Mac. Akaun disediakan seperti berikut: 01.10.1999 hingga 30.09.2000, 01.10.2000 hingga 31.03.2001 (6 bulan), dan hingga 31 Mac untuk tahun-

tahun seterusnya.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 adalah 01.10.2000 hingga 31.03.2001 (6 bulan).

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2002 adalah 01.04.2001 hingga 31.03.2002.

B. *Akaun baru dan akaun terakhir berakhir dalam tahun yang sama*

Tempoh perakaunan baru bersama dengan tempoh perakaunan berikutnya adalah tempoh asas bagi tahun taksiran dalam tahun gagal.

Contoh:

Akaun sebuah syarikat biasanya disediakan untuk tempoh berakhir pada 30 Jun. Syarikat menukar tarikh perakaunannya dan akaun kini ditutup pada 31 Disember. Akaun disediakan untuk tempoh 01.07.1999 hingga 30.06.2000, 01.07.2000 hingga 31.12.2000 (6 bulan), 01.01.2001 hingga 31.12.2001, dan hingga 31 Disember untuk tahun-tahun seterusnya.

Tempoh perakaunan baru 01.07.2000 hingga 31.12.2000 dan tempoh perakaunan terakhir 01.07.1999 hingga 30.06.2000 berakhir dalam tahun asas yang sama.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 adalah 01.07.2000 hingga 31.12.2001 (18 bulan).

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2002 adalah 01.01.2002 hingga 31.12.2002.

[Rasional menentukan tempoh asas bagi 2 situasi di atas adalah supaya tiada tempoh perakaunan atau tahun taksiran yang tertinggal dan tidak berlaku tempoh asas yang bertindih.]

3.5.3 Akaun biasa tidak berakhir pada 31 Disember dan akaun baru melebihi 12 bulan:

A. *Akaun baru berakhir dalam tahun berikutnya*

Tempoh perakaunan baru adalah tempoh asas bagi tahun taksiran dalam tahun gagal.

Contoh :

Akaun sebuah syarikat biasanya disediakan untuk tempoh berakhir pada 31 Julai. Syarikat menukar tarikh perakaunannya dan akaun kini ditutup pada 31 Oktober. Akaun disediakan bagi tempoh 01.08.2000 hingga 31.10.2001 (15 bulan), dan berakhir 31 Oktober bagi tahun-tahun seterusnya.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 adalah 01.08.2000 hingga 31.10.2001 (15 bulan).

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2002 adalah 01.11.2001 hingga 31.10.2002.

B. Akaun baru berakhir dalam tahun ketiga

Jika tempoh perakaunan baru menjangkau tiga tahun asas, tempoh perakaunan baru itu akan dibahagikan kepada dua tempoh yang sama-rata dan kedua-dua tempoh itu diambil sebagai tempoh asas untuk dua tahun taksiran pertama bermula dalam tahun gagal.

Contoh:

Akaun sebuah syarikat biasanya disediakan untuk tempoh berakhir pada 30 November. Terdapat kegagalan menutup akaun pada tarikh perakaunan biasa dan akaun disediakan untuk tempoh lebih 12 bulan dari 01.12.2000 hingga 28.02.2002 (15 bulan), dan hingga 28 Februari bagi tahun-tahun seterusnya.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 adalah 01.12.2000 hingga 31.07.2001 (8 bulan).

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2002 adalah 01.8.2001 hingga 28.02.2002 (7 bulan).

[Rasional menentukan tempoh asas bagi 2 situasi di atas adalah supaya tiada tempoh perakaunan atau tahun taksiran yang tertinggal dan tidak berlaku tempoh asas yang bertindih. Mana-mana bahagian sesuatu bulan dianggap terjatuh ke dalam tempoh pertama.]

3.6. Sebuah Syarikat Menyertai Suatu Perkongsian.

3.6.1 Menyertai suatu perkongsian baru

Jika sebuah syarikat menyertai perkongsian baru, tempoh asas bagi syarikat tersebut berhubung dengan punca perkongsiannya ditentukan sama seperti dalam subperenggan 3.4.1, 3.4.2 atau 3.4.3.

Contoh:

Sebuah syarikat menyertai suatu perkongsian baru yang memulakan perniagaan pada 18.02.2001. Akaun pertama disediakan untuk tempoh hingga 30.09.2001 dan seterusnya hingga 30 September setiap tahun.

Tempoh asas bagi punca perkongsian syarikat tersebut adalah:

Tahun Taksiran 2001 18.02.2001 hingga 31.12.2001

Tahun Taksiran 2002 01.10.2001 hingga 30.09.2002

- 3.6.2 Menyertai suatu perkongsian yang sedia wujud dan tarikh perakaunan biasa perkongsian itu dikekalkan Jika sebuah syarikat menyertai perkongsian yang sedia wujud dan akaun perkongsian itu terus disediakan mengikut tarikh perakaunan yang biasa, tempoh asas pertama bagi syarikat berhubung punca perkongsiannya adalah dari tarikh syarikat menyertai perkongsian itu hingga tarikh akaun perkongsian ditutup.

Contoh:

D Sdn. Bhd. menyertai ABC, suatu perkongsian yang sedia wujud, pada 01.02.2000. Akaun perkongsian biasanya disediakan hingga 31 Mac. Akaun bagi perkongsian ABC itu terus disediakan untuk tempoh hingga 31.03.2000.

Tempoh asas bagi D Sdn. Bhd berhubung punca perkongsiannya adalah 01.02.2000 hingga 31.03.2000 bagi tahun taksiran 2000.

- 3.6.3 Menyertai suatu perkongsian yang sedia wujud dan tarikh perakaunan biasanya ditukar

Jika sebuah syarikat menyertai perkongsian yang sedia wujud dan perkongsian itu menukar tarikh perakaunan biasanya, perkongsian itu dianggap sebagai suatu perkongsian baru dan tempoh asas bagi punca perkongsian ditentukan sama seperti dalam subperenggan 3.4.1, 3.4.2 atau 3.4.3.

4.0 INTERPRETASI

Bagi maksud ketetapan ini:

- 4.1 Jika terdapat pertindihan tempoh bagi dua tempoh asas, pendapatan larasan atau kerugian larasan yang sama bagi kedua-dua tempoh asas itu akan diketepikan dalam tempoh asas kedua.
- 4.2 Jika pertukaran tarikh perakaunan dibuat dalam dua tempoh perakaunan yang berturutan dan arahan di atas tidak boleh digunapakai kerana suatu tahun taksiran akan tertinggal, tempoh asas akan ditentukan oleh Ketua Pengarah atas permohonan daripada syarikat atau koperasi.
- 4.3 Dalam kes pembahagian tempoh perakaunan, mana-mana bahagian dari suatu bulan akan dianggap terjatuh ke dalam tempoh pertama.
- 4.4 "Tahun asas bagi suatu tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar yang

bersamaan dengan
tahun taksiran.

4.5 "Tahun gagal" bermaksud tahun dalam mana terdapat kegagalan menutup akaun pada tarikh perakaunan biasa dan tarikh perakaunan biasa itu bukan 31 Disember.

4.6 "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.

(Tarikh Pengeluaran: 01/03/2000)